

Majlis Penyerahan Watakah Pelantikan Pengerusi MADA (12 April 2019)

Majlis Penyerahan Watakah Pelantikan Pengerusi MADA daripada Yang Berhormat Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kepada YAB Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir yang dilantik sebagai Pengerusi MADA. Pelantikan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 lalu untuk tempoh 2 tahun.

Pelantikan individu ke mana-mana agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah berdasarkan kewibawaan serta kepakaran mereka, bukannya semata-mata lantikan politik, kata Menteri Datuk Salahuddin Ayub.



Selain pelantikan melibatkan golongan teknokrat dan profesional, kementerian turut menimbang kebolehan dan iltizam individu untuk menjiwai tugas yang diberikan, katanya. "Selain tumpuan untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras, kita juga mahu meningkatkan pendapatan pesawah yang majoritinya masih kekal dalam kelompok B40," katanya.



Majlis ini telah selesai diadakan di Bilik Sidang Media, Aras 7, Wisma Tani, Putrajaya sebelum Mesyuarat Pasca Kabinet MOA Bil 10/2019.

